

Dana RM20 bilion rapatkan jurang pelaburan swasta

Berita Harian 11/06/2010 MIS B 3

DANA bernilai RM20 bilion akan diwujudkan bagi memudahkan pelaburan swasta dalam projek yang mempunyai nilai strategik kepada negara dan kesan penggandaan yang tinggi.

Dana ini digunakan bagi merapatkan jurang daya maju pelaburan swasta dalam projek infrastruktur, pendidikan, pelancongan dan kesihatan.

Tumpuan diberi kepada pelaburan baru dan usaha sama berskala besar sejajar keutamaan strategik negara.

Projek sedang dipertimbangkan termasuk Taman Teknologi Tinggi Senai di Iskandar Malaysia, Johor dan Bekalan Air Mentah ke Kompleks Perindustrian di Tan-

jung Langsung, Johor.

Projek nilai kos modal minimum atau pelaburan RM100 juta layak dipertimbang.

Langkah mewujudkan dana ini adalah antara tiga inisiatif akan dilaksanakan bagi meningkatkan penyertaan swasta dalam ekonomi.

Langkah lain termasuk meningkatkan program penswastaan dan perkongsian awam-swasta (PPP) dan mencapai keseimbangan antara Kerajaan, GLC dan sektor swasta.

Strategi bagi memperkukuhkan penswastaan dan PPP akan merangkumi:

- *Monetisation* aset awam menerusi penjualan, usaha sama atau pajakan jangka panjang bagi tanah yang berpotensi komersial, seperti ta-

nah Institut Penyelidikan Getah di Sungai Buloh dan projek pembangunan tanah 1Malaysia Development Berhad di Sungai Besi.

- Menyediakan semakan terperinci bagi memastikan syarikat pencadang memenuhi kriteria minimum yang ditetapkan termasuk kedudukan kewangan, rekod prestasi dan pengurusan cemerlang.

- Memperkukuhkan rangka kerja pemantauan termasuk penubuhan unit pemantauan projek yang mantap bagi memastikan kejayaan pelaksanaan dan pematuhan kepada obligasi kontrak.

- Menerima pakai kaedah nilai untuk pengagihan wang seperti pengagihan risiko yang optimum antara sektor

awam dan swasta, kos jangka hayat, spesifikasi *output* yang membenarkan pembida membuat inovasi dalam reka bentuk projek, persaingan yang memberi nilai berpatutan dan mekanisme pembayaran berasaskan prestasi.

Bagi mencapai keseimbangan antara Kerajaan, GLC dan sektor swasta ke arah mencapai matlamat pertumbuhan ekonomi, langkah yang akan diambil termasuklah merasionalisasi peranan GLC dalam ekonomi dan merasionalisasi peranan kerajaan dalam ekonomi.

Peranan GLC dirasionalisasi bagi memberi tumpuan kepada bidang membantu merencanakan sektor swasta.

Kerajaan juga akan me-

INFO Malaysia di kedudukan ke-23 dalam laporan Bank Dunia (Kedudukan Global 2010)

	Kesenangan menjalankan perniagaan	Memulakan perniagaan	Urusan berkaitan permit perniagaan	Pendaftaran hartanah	Perdagangan merentasi sempadan	Menguatkuasakan kontrak
Singapura	1	4	2	16	1	13
New Zealand	2	1	5	3	26	10
Hong Kong	3	18	1	75	2	3
AS	4	8	25	12	18	8
UK	5	16	16	23	16	23
Thailand	12	55	13	6	12	24
Jepun	15	91	45	54	17	20
Korea Selatan	19	53	23	71	8	5
Malaysia	23	88	109	86	35	59

SUMBER: Bank Dunia

astikan kesamarataan persaingan antara GLC dan sektor swasta tanpa layanan istimewa kepada GLC.

Pengenalan Undang-undang Persaingan juga akan memastikan persaingan adil bagi semua syarikat termasuk GLC dan ia akan mengawal salah guna kuasa do-

minasi pasaran.

Bagi merasionalisasi peranan sektor awam, penswastaan syarikat di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan seperti Percetakan Nasional Berhad, CTRM Aero Composite dan Nine Bio Sdn Bhd akan diselesaikan dalam tempoh Rancangan.